

Walaupun keputusan sudah
dibuat — Mahathir

Kerajaan belum tarik biasiswa pelajar yang lancar demonstrasi



DR. MAHATHIR

KUALA LUMPUR 13 MAC

UM 14 MAC 1975

MENTERI Pelajaran, (Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan hari ini bahawa kerajaan belum menarik balik biasiswa dari para pelajar yang terlibat dalam demonstrasi tidak lama dahulu, walaupun keputusan mengenainya telah dibuat.

Ini disebabkan kerajaan tidak ingin melihat pelajar-pelajar yang benar-benar mahu belajar terjejas pelajarannya akibat tindakan itu, tambahnya.

Pihak-pihak yang mengeluarkan biasiswa itu juga sedang mengkaji dengan teliti keputusan itu.

Bercakap kepada para pemberita selepas menerima kunjungan serombongan lima orang Senator dari Suruhanjaya Hal Ehwal Awam Perancis di pejabatnya, Dr. Mahathir menerangkan para pelajar yang terlibat boleh membuat rayuan kepada pihak-pihak yang memberi biasiswa jika biasiswa mereka ditarik balik.

Bellau juga memberitahu kementerian-nya masih mencari calon yang sesuai untuk menggantikan tempat Datuk Dr. Arshad Ayob sebagai Pengarah ITM.

Datuk Dr. Arshad disebut telah dilantik menjadi Timbalan Gabenor Bank Negara.

Kata Dr. Mahathir, buat sementara sehingga didapati seorang yang layak, seorang pemangku akan dilantik untuk mentadbirkan ITM.

Menerangkan lebih lanjut tindakan menarik balik biasiswa itu, bellau berkata jika pelajar-pelajar yang terlibat membuat rayuan kepada pihak-pihak yang memberi biasiswa itu pertimbangan yang sesuai akan diberi.

Ini untuk membolehkan biasiswa itu diteruskan supaya mereka yang benar-benar hendak belajar dapat meneruskan pelajaran masing-masing.

Katanya, kerajaan sedar ramai juga para pelajar yang terlibat dalam demonstrasi pelajar itu kerana terseret dan terpengaruh oleh hasutan para pemimpin mereka.

Pasti

"Keputusan kerajaan untuk menarik balik biasiswa itu adalah semata-mata untuk memastikan wang rakyat tidak disalahgunakan oleh para pelajar.

"Pemberian biasiswa ialah untuk membantu pelajar melanjutkan pelajaran, bukan untuk mengadakan demonstrasi menentang ke-

rajaan," katanya.

Mengenal pertemuannya dengan rombongan dari Perancis itu, Dr. Mahathir menerangkan rombongan itu mengesyorkan supaya pengajaran Bahasa Perancis diperluaskan di negara ini.

Katanya, pengajaran bahasa asing memang digalakkan di pusat-pusat pengajian tinggi seperti di Universiti Malaya dan ITM.

Bellau memberitahu bahawa kerajaan membuat keputusan untuk menubuhkan seko'ah jurubahasa di Universiti Malaya tetapi rancangan itu terpaksa ditangguhkan.